

# DINAMIKA HUBUNGAN ANTARA AGAMA DI MALAYSIA: TINJAUAN KRITIKAL TERHADAP ISU-ISU KONTEMPORARI

**THE DYNAMICS OF INTERFAITH RELATIONS IN MALAYSIA:  
A CRITICAL REVIEW OF CONTEMPORARY ISSUES**

Azarudin Awang<sup>1</sup>  
Hamizah Binti Muhammad<sup>2</sup>  
Rubiah Binti Abu Bakar<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000, Dungun, Terengganu.

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000, Dungun, Terengganu.

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Chendering, 21080, Kuala Terengganu, Terengganu.

\*Corresponding Author; e-mail: azaru154@uitm.edu.my

## Article history

Received date : 12-5-2025

Revised date : 12-5-2025

Accepted date : 18-6-2025

Published date : 30-6-2025

## To cite this document:

Azarudin, A., Hamizah, M., & Rubiah, A. B. (2025). Dinamika hubungan antara agama di Malaysia: Tinjauan kritikal terhadap isu-isu kontemporari. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 358 - 368.

**Abstrak:** Malaysia adalah sebuah negara dengan kepelbagaian etnik dan agama yang mencipta cabaran unik dalam menjaga keharmonian sosial. Islam sebagai agama dominan, dianuti oleh 63.7% daripada jumlah penduduk, diikuti oleh Buddha, Kristian, dan Hindu, interaksi antara pelbagai agama sering kali mencetuskan isu-isu sensitif. Sejarah hubungan antara agama di Malaysia telah melalui pelbagai fasa, dari prapenjajahan hingga era moden, yang membentuk dinamika sosial yang cukup kompleks. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis isu-isu semasa yang sering mencetuskan ketegangan antara agama di Malaysia. Metodologi kajian melibatkan analisis terhadap laporan media dari tahun 2020 hingga 2024. Hasil kajian menunjukkan bahawa isu-isu pertukaran agama anak mualaf, penggunaan kalimah Allah, lawatan ke rumah ibadat bukan Islam, dan penglibatan umat Islam dalam aktiviti di rumah ibadat bukan Islam sering kali menimbulkan perdebatan yang mencabar keharmonian sosial. Kajian ini menekankan kepentingan dialog antara agama sebagai mekanisme untuk memupuk persefahaman dan menghormati kepelbagaian. Justeru, pendekatan yang seimbang dan inklusif diperlukan untuk memastikan keharmonian dan kesejahteraan sosial dalam konteks negara yang berbilang agama ini sentiasa dipelihara.

**Kata kunci:** Dinamika, Hubungan, Agama, Malaysia, Kontemporari.

**Abstract:** Malaysia is a country with diverse ethnicities and religions, creating unique challenges in maintaining social harmony. Islam as the dominant religion, adhered to by 63.7% of the population, followed by Buddhism, Christianity, and Hinduism, interactions between various faiths often give rise to sensitive issues. The history of interfaith relations in Malaysia has gone through various phases, from the pre-colonial period to the modern era, shaping a complex social dynamic. The objective of this study is to analyze contemporary issues that frequently spark interfaith tensions in Malaysia. The methodology involves an analysis of media reports from 2020 to 2024. The findings indicate that issues such as the conversion of children of Muslim converts, the use of the term "Allah," visits to non-Muslim places of worship, and Muslim participation in activities at non-Muslim places of worship often ignite debates that challenge social harmony. This study emphasizes the importance of interfaith dialogue as a mechanism to foster understanding and respect for diversity. Thus, a balanced and inclusive approach is necessary to ensure the preservation of harmony and social well-being in this multireligious context.

**Keywords:** Dynamics, Relations, Religion, Malaysia, Contemporary

## Pendahuluan

Malaysia adalah sebuah negara yang unik dengan memiliki kepelbagaian etnik dan agama. Kepelbagaian ini bukan sahaja mencerminkan kekayaan warisan budaya Malaysia tetapi juga membentuk dinamika hubungan sosial yang tersendiri. Berdasarkan data statistik sehingga Mei 2024, Islam adalah agama dominan di Malaysia, dengan 63.7% daripada populasi mengikutinya diikuti dengan penganut agama Buddha berjumlah 17.7%, manakala kelompok Kristian dan Hindu masing-masing mencatatkan 9.4% dan 6% pengikut. Selebihnya adalah kelompok yang berpegang kepada kepercayaan tradisional 2.3%, dan kategori lain-lain merangkumi 0.9% (Pew Research Center, 2024). Data ini menunjukkan pelbagai aspek komposisi agama di Malaysia dan menekankan kepentingan untuk memahami dan menghargai kepelbagaian ini dalam konteks sosial dan akademik untuk memupuk keharmonian dan integrasi antara kumpulan-kumpulan agama yang berbeza.

## Sorotan Kajian

Sorotan kajian menjelaskan tentang sejarah ringkas hubungan antara agama di Malaysia, toleransi antara Muslim dengan bukan Muslim dan dinamika hubungan agama melalui dialog antara agama.

## Sejarah Ringkas Hubungan Agama Di Malaysia

Sebelum abad ke-15, Alam Melayu telah memiliki pelbagai bentuk kepercayaan tempatan seperti animisme yang berkait dengan penyembahan roh dan unsur-unsur alam. Ketika tempoh ini, agama Hindu dan Buddha memainkan peranan utama, yang dibawa masuk melalui pengaruh perdagangan dari India dan China. Bukti peninggalan seperti prasasti dan candi di Lembah Bujang dan Borobudur di Jawa menunjukkan betapa mendalamnya pengaruh agama tersebut dalam kehidupan kerajaan-kerajaan Melayu lama (Muhammad Termizi et al., 2017). Pada abad ke-12 hingga ke-15, Islam mula mengukuh di Alam Melayu juga melalui kegiatan perdagangan, terutamanya dari Arab, India, dan Parsi. Proses penyebaran ini diperkuatkan dengan peranan pedagang Muslim dan ulama yang mengajarkan nilai-nilai Islam kepada penduduk tempatan. Kerajaan-kerajaan Melayu seperti Melaka, Acheh, Brunei, Demak, dan Patani menjadi pusat penyebaran Islam yang unggul hingga ke beberapa dekad, dan menjadikan Islam sebagai agama rasmi Kerajaan (Muhammad Termizi et al., 2017). Tuntasnya, Islam

bukan sahaja membawa perubahan dalam aspek kepercayaan, tetapi juga menyentuh aspek hukum, adat, pendidikan, dan budaya, menjadikan Alam Melayu sebagai salah satu pusat kebangkitan tamadun Islam di Asia Tenggara.

Selanjutnya, bermula abad ke-16 hingga ke-20, kedatangan kuasa-kuasa penjajah Barat seperti Portugis, Belanda, dan British membawa perubahan besar dalam struktur sosial dan agama di Alam Melayu. Dasar penjajah yang menyokong dan mempromosikan agama Kristian, khususnya dilakukan melalui institusi pendidikan dan melalui pelbagai gerakan aktiviti mualigh Kristian. Selain itu, kemasukan imigran Cina dan India, yang dibawa oleh British secara besar ke Tanah Melayu untuk memenuhi keperluan ekonomi, menambahkan lagi kepelbagaiannya dengan kehadiran agama Buddha, Taoisme, Hindu, dan Kristian di Tanah Melayu (Indraty Ismail & Muhammad Kharul, 2020).

Selepas Malaysia memperolehi kemerdekaan pada tahun 1957, Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan. Biarpun begitu, kebebasan beragama bagi penganut agama lain dijamin di bawah Perkara 3 dan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Mengambil kira Malaysia mempunyai kepelbagaiannya anutan kepercayaan, hubungan agama pada era ini dicorakkan oleh usaha kerajaan untuk mengekalkan keharmonian melalui dasar-dasar inklusif dan institusi seperti mewujudkan Jabatan Perpaduan Negara dan memperkenalkan Integrasi Nasional (Mastura et al., 2022). Sehingga kini, Malaysia telah melalui beberapa fasa perubahan sosial dan politik yang mempengaruhi hubungan agama. Isu-isu seperti hak-hak agama, kebebasan beragama, dan dialog antara agama dilihat menjadi semakin penting. Kontroversi seperti kes pertukaran agama, penggunaan istilah-istilah agama, dan konflik antara pelbagai kumpulan agama sering menjadi tajuk utama dalam media (Muhammad Raqib & Nurul Amalia, 2023).

Berdasarkan kenyataan di atas, sejarah hubungan agama di Malaysia bermula dengan kepercayaan animisme, diikuti oleh perkembangan pengaruh Hindu dan Buddha melalui kegiatan perdagangan. Kemudiannya agama Islam berkembang pesat pada abad ke-12 hingga ke-15, dan akhirnya menjadi agama rasmi bagi kebanyakan kerajaan Melayu. Penjajahan Barat pula membawa agama Kristian, sementara migrasi masyarakat Cina dan India ke Tanah Melayu memperkenalkan ajaran Buddha, Confucianisme, Taoisme dan Hindu. Selepas merdeka, Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan, namun dalam masa yang sama kebebasan beragama tetap dijamin. Namun, isu-isu seperti pertukaran agama dan penggunaan istilah agama kerap kali mencabar keharmonian antara agama.

### Toleransi Islam dan Bukan Islam

Istilah "toleransi" berasal dari bahasa Latin *tolerantia*, yang bermaksud kesediaan untuk menanggung atau bersabar terhadap sesuatu. Dalam bahasa Arab, ia disebut sebagai *al-tasamuh*, yang membawa maksud sikap berlapang dada dan memberi ruang kepada perbezaan. Perkataan ini diterjemahkan sebagai "*tolerance*" dalam bahasa Inggeris yang secara umumnya merujuk kepada penerimaan atau penghormatan terhadap pelbagai kepercayaan, nilai dan pendapat, meskipun berbeza daripada kepercayaan sendiri. Toleransi mencakupi elemen-elemen seperti menghargai perbezaan, menolak stereotaip, dan mengekalkan keharmonian sosial dengan menghindari sikap prasangka. Dalam kerangka tindakan, toleransi melibatkan penerimaan bersyarat terhadap sesuatu yang berbeza, dengan batasan tertentu yang dikawal oleh prinsip atau nilai moral (Khadijah & Siti Nor, 2020).

Islam menekankan bahawa toleransi bukan sekadar konsep yang bersifat teoritikal tetapi merupakan satu amalan yang perlu diterjemahkan dalam hubungan sesama manusia. Sikap toleransi dalam Islam dengan bukan Islam melibatkan larangan terhadap sebarang bentuk

kekerasan, paksaan atau penindasan (Salihah et. al, 2021). Komuniti bukan Muslim diberikan kebebasan penuh untuk mengamalkan agama mereka tanpa sebarang gangguan, seperti yang dijelaskan dalam firman Allah yang bermaksud "*Tidak ada paksaan dalam agama*" (Surah al-Baqarah, 2:256).

Islam juga menyeru umatnya untuk berdialog dengan masyarakat bukan Muslim secara berhemah dan melalui hujah yang jelas (Azarudin & Khadijah, 2017). Pendekatan ini adalah bertujuan untuk menyampaikan kebenaran Islam tanpa paksaan atau tekanan seperti firman Allah yang bermaksud "*Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang terbaik.*" (Surah al-Nahl, 16:125). Justeru, menurut Siti Aisyah dan Muhamad Razak (2021), dialog yang berlandaskan hikmah adalah asas untuk mencipta hubungan harmoni antara Muslim dan bukan Muslim, terutama dalam kehidupan masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Tuntasnya, sejarah peradaban Islam mencatatkan banyak contoh yang menunjukkan amalan toleransi telah dilaksanakan antara Islam dengan bukan Islam. Bahkan Rasulullah SAW dalam Perjanjian Madinah (Sahifah Madinah) yang merupakan dokumen awal yang mengiktiraf hak-hak masyarakat bukan Muslim, termasuklah kelompok Yahudi dan golongan bukan Muslim yang lain, untuk menjalani kehidupan biasa mereka tetapi dalam masa yang sama mereka perlu mematuhi undang-undang secara bersama (Khadijah, 2008). Begitu juga ketika zaman pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin dan empayar Islam lain, seperti zaman kerajaan Andalusia di Sepanyol, umat Islam, Kristian, dan Yahudi hidup secara harmoni dalam satu masyarakat (Mohd Zamrus & Abdul Rashi, 2022). Justeru, Nur Hadi et al. (2022), menyatakan toleransi yang diamalkan dalam peradaban Islam mencerminkan nilai keadilan dan penghormatan terhadap kepercayaan lain.

Islam juga menegaskan agar umatnya sesekali tidak mencemarkan rumah ibadah agama lain. Ini sebagaimana dinyatakan dalam firman Allah dalam Surah al-Hajj, 22:40 yang bermaksud, "*Dan sekiranya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan tempat-tempat sembahyang, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat, dan masjid-masjid yang banyak disebut nama Allah di dalamnya*".

Meskipun Islam menggalakkan toleransi, prinsip ini tetap diikat dengan batasan syariat, khususnya dalam aspek yang menyentuh akidah. Umat Islam dilarang untuk mencampurkan elemen-elemen yang bercanggah dengan tauhid seperti kesyirikan atau sinkretisme agama. Ini bermaksud, dalam proses berinteraksi dengan masyarakat bukan Muslim, umat Islam perlu tetap menjaga akidah dan tidak terlibat dalam amalan yang merosakkan keimanan. Prinsip ini memastikan bahawa toleransi tidak disalahertikan sebagai kompromi terhadap nilai-nilai asas agama (Khadijah & Siti Nor, 2020). Toleransi beragama secara ringkasnya merujuk kepada sikap hormat-menghormati, menghargai, dan bertimbang rasa, di samping mengelakkan sebarang tindakan yang mengganggu atau meremehkan agama serta kepercayaan penganut agama lain. Namun dalam kehidupan yang semakin kompleks dan bersifat global, toleransi menghadapi pelbagai cabaran seperti ekstremisme, Islamofobia, dan konflik antara budaya. Di Malaysia, toleransi antara agama menjadi asas penting dalam mengekalkan keharmonian masyarakat majmuk. Walau bagaimanapun, isu-isu seperti penggunaan istilah agama tertentu, kebebasan beragama, dan sensitiviti budaya sering menjadi perbahasan.

### Dinamika Hubungan Agama Melalui Dialog antara Agama

Malaysia, sebagai sebuah negara yang dihuni oleh masyarakat pelbagai agama dan kepercayaan, menghadapi cabaran besar dalam mengekalkan keharmonian antara komuniti berlainan agama. Agama merupakan elemen yang sangat sensitif, seringkali menjadi faktor pencetus konflik, malah dalam sesetengah kes, perperangan dan keganasan. Oleh itu, usaha membina hubungan yang harmonis antara agama menjadi satu keutamaan dalam mengekalkan kestabilan sosial dan politik negara.

Dialog antara agama muncul sebagai salah satu mekanisme penting untuk menggalakkan rasa saling menghormati, memahami, dan menerima antara penganut agama yang berbeza. Bentuk-bentuk dialog seperti dialog kehidupan yang berfokus kepada interaksi harian dalam masyarakat; dialog karya, iaitu kerjasama dalam isu-isu kemanusiaan; dialog pengalaman agama, yang berkongsi pengalaman rohani; dan dialog teologi, yang mendalamkan prinsip-prinsip agama masing-masing, berupaya mengurangkan salah faham, prasangka, dan ketegangan (Azarudin, 2022). Menurut Arfah (2020), pendekatan ini telah terbukti berkesan dalam mencipta ruang dialog yang lebih terbuka dan inklusif, sekaligus meredakan sebarang potensi konflik.

Hubungan agama yang positif bukan sahaja menyumbang kepada keamanan sosial malah mampu memperkuatkan perpaduan nasional, yang menjadi tunjang kepada pembangunan negara. Sebagai contoh, inisiatif seperti program-program *interfaith dialogues* di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) memperlihatkan komitmen dan kesungguhan kerajaan dalam memupuk persefahaman antara kaum dan agama. Dalam masa yang sama, usaha ini membantu memastikan prinsip kebebasan beragama masih dijamin oleh sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan terus dihormati (Khairul Azhar et al., 2021).

Biarpun begitu, cabaran tetap wujud, khususnya apabila isu-isu agama dipolitikkan atau disensasikan dalam media, yang sekaligus mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut agama tertentu. Kajian-kajian seperti yang dilakukan oleh Mohd Zuhd et al., (2020) menekankan pentingnya pendekatan proaktif dalam menangani isu-isu ini, termasuk melalui pengawalan naratif di media dan pendidikan yang menanamkan nilai toleransi sejak usia muda. Ini adalah kerana, dinamika hubungan antara agama yang baik bukan sahaja menyumbang kepada keamanan sosial tetapi juga memperkuatkan perpaduan nasional, yang merupakan tonggak utama bagi kemakmuran dan perkembangan negara. Selain itu, ia membantu dalam memastikan kebebasan beragama dihormati, serta melahirkan masyarakat yang lebih inklusif dan toleran terhadap kepelbagaiannya. Justeru kajian ini melihat isu-isu kontemporari yang mencetuskan rasa ‘tegang’ dan ‘tidak puas’ hati dalam kalangan penganut yang dipaparkan di media.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah penerokaan terhadap laporan-laporan akhbar yang menyentuh polemik hubungan antara agama di Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2024. Analisis ini melibatkan pemilihan laporan yang merangkumi isu-isu seperti sensitiviti agama, konflik antara agama, dialog interfaith, serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani isu ini. Proses ini dilakukan melalui kaedah *content analysis* untuk mengenal pasti tema-tema utama, nada laporan, dan impaknya terhadap persepsi masyarakat. Data yang diperolehi dilakukan analisis secara kritis bagi menghasilkan gambaran menyeluruh mengenai hubungan antara agama di Malaysia dalam konteks semasa.

## Hasil Kajian Dan Perbincangan

Islam, sebagai agama yang mendukung kedamaian dan memperkuuh perpaduan, menyeru umatnya agar menunjukkan kasih sayang, menghormati, dan memelihara hubungan baik dengan semua pihak, termasuk mereka yang berlainan agama. Seruan ini seiring dengan misi Nabi Muhammad yang membawa Islam sebagai *rahmatan lil 'alamin*, iaitu rahmat bagi seluruh alam (Muthmainnah & Ghozi 2021). Namun dalam hubungan Muslim dan bukan Muslim di Malaysia terdapat beberapa isu yang mengugat yang melatari dada akhbar. Antara isu-isu yang melatari laporan akhbar pada tempoh 2020-2024 ialah isu pertukaran agama anak mualaf, penggunaan kalimah Allah, salah guna kalimah Allah pada stoking, lawatan ke rumah ibadah bukan Islam dan aktiviti remaja Muslim membersihkan rumah ibadah bukan Islam.

### Isu Pertukaran Agama Anak Mualaf

Dalam kes ini, mahkamah sivil tidak membenarkan pertukaran agama sepahak dalam kalangan kanak-kanak apabila salah seorang sama ada ibu atau bapanya memeluk agama Islam. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bersama tiga pihak lain telah gagal dalam usaha untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang membatalkan penukaran agama tiga anak ibu tunggal, Loh Siew Hong, kepada Islam yang dilakukan oleh bapa mereka tanpa persetujuan ibu tersebut. Berkait dengan ini, Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM) berpendapat bahawa peraturan yang ketat, yang memerlukan persetujuan daripada kedua-dua ibu dan bapa sebelum kanak-kanak boleh diislamkan, akan menimbulkan banyak kesukaran dan potensi kezaliman terhadap mualaf (Berita Harian, 16 Mei 2024). Susulan penolakan permohonan kebenaran itu, tiga anak Siew Hong membabitkan pasangan kembar berusia 16 tahun dan anak lelaki berumur 13 tahun, kekal beragama Hindu.

Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa kanak-kanak di bawah umur yang ingin memeluk agama Islam perlu memperoleh persetujuan sama ada daripada ibu atau bapa, atau penjaga. Berdasarkan kenyataan di atas, ternyata peruntukan ini menetapkan bahawa persetujuan daripada salah seorang, sama ada ibu, bapa, atau penjaga, sudah memadai untuk membolehkan kanak-kanak di bawah umur memeluk agama Islam. Justeru, penafsiran dalam peruntukan ini jelas membawa implikasi yang berbeza apabila timbul pertikaian melibatkan salah satu pihak, sama ada ibu atau bapa, yang telah memeluk agama Islam (Nursharina & Mohd Norhusairi, 2022). Tuntasnya, kes pertukaran agama anak mualaf ini menggambarkan konflik yang kompleks antara agama dalam konteks keluarga dan undang-undang di Malaysia, sebuah negara berbilang agama. Keputusan Mahkamah Rayuan untuk membatalkan penukaran agama anak-anak Loh Siew Hong kepada Islam tanpa persetujuan ibu mereka menonjolkan pertembungan antara hak individu untuk mengamalkan agama baharu dan hak pasangan yang kekal dalam agama asal. Dalam kes ini, pihak bapa yang telah memeluk Islam bertindak atas kepercayaannya untuk membawa anak-anak kepada agama yang dianutinya, manakala ibu mereka, yang beragama Hindu, menuntut agar haknya sebagai penjaga turut dihormati. Konflik ini mencerminkan ketegangan antara tanggungjawab agama seorang mualaf dan perlindungan hak asasi dalam keluarga pelbagai agama. Perspektif ini diperkuatkan oleh keimbangan Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM) tentang bagaimana keperluan persetujuan bersama mungkin menghalang mualaf untuk menjalankan tanggungjawab agama mereka. Konflik ini menuntut dialog yang mendalam antara agama dan penambahbaikan undang-undang keluarga Islam dan sivil bagi memastikan keharmonian sosial terus terpelihara.

## Penggunaan Kalimah Allah

Polemik mengenai penggunaan kalimah Allah telah menyebabkan keresahan dan konflik yang berlarutan, terutama dalam hubungan antara umat Islam dan Kristian di Semenanjung Malaysia. Banyak perdebatan dan ketidakpuasan yang timbul menunjukkan bahawa isu ini masih belum menemui jalan penyelesaian (Nur Wahida et al, 2022). Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan penganut Kristian di Malaysia boleh menggunakan kalimah Allah dan tiga perkataan lain iaitu Baitullah, Kaabah dan solat dalam penerbitan agama mereka biarpun bagi tujuan pendidikan (Harian Metro, 14 Mac 2021) menimbulkan ketegangan antara komuniti Islam dan Kristian. Komuniti Muslim berpendapat bahawa istilah tersebut eksklusif untuk Islam, sementara penganut Kristian melihatnya sebagai sebahagian daripada hak mereka untuk menggunakan istilah itu dalam teks keagamaan mereka. Ketidakpuasan ini diperburuk oleh faktor sejarah, sensitiviti agama, dan perbezaan dalam tafsiran undang-undang mengenai kebebasan beragama, yang mencipta ketegangan yang berpanjangan dan sering kali tidak menemui jalan penyelesaian yang memuaskan semua pihak.

Isu penggunaan kalimah Allah di Malaysia mencerminkan ketegangan antara prinsip kebebasan beragama dan sensitiviti agama, terutamanya dalam hubungan antara komuniti Islam dan Kristian. Berkait dengan ini, Tun Abdul Hamid Mohamad, mantan Ketua Hakim Negara, berpendapat bahawa tuntutan penggunaan kalimah Allah adalah sebahagian daripada usaha untuk menyebarkan agama Kristian kepada umat Islam dan mencetuskan kekeliruan. Isu penggunaan kalimah Allah terus berpanjangan apabila Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bahawa penganut Kristian dibenarkan menggunakan kalimah Allah bersama tiga istilah lain, iaitu solat, Kaabah, dan Baitullah, dalam penerbitan agama mereka (Nurwahida, et al., 2022). Keputusan ini mencetuskan polemik sehingga beberapa perhimpunan bantahan dianjurkan oleh kumpulan masyarakat Islam, selain menimbulkan ketegangan antara penganut agama di rumah-rumah ibadat (Mohd Norhusairi et al, 2023). Komuniti Muslim berpendapat bahawa kalimah Allah adalah eksklusif untuk Islam kerana ia melambangkan keesaan Tuhan yang unik dalam ajaran Islam. Sebaliknya, komuniti Kristian menegaskan hak mereka untuk menggunakan istilah ini dalam konteks keagamaan, khususnya dalam Bible berbahasa Melayu yang telah digunakan selama beberapa dekad di Sabah dan Sarawak. Konflik ini tidak hanya bersifat perundangan tetapi juga dibayangi oleh sejarah dan sensitiviti budaya, yang memperbesar jurang persefahaman antara komuniti. Ketegangan ini mencerminkan keperluan mendesak untuk mencari jalan penyelesaian yang adil, termasuk pendekatan yang mengutamakan dialog antara agama serta menghormati sensitiviti keagamaan tanpa menjelaskan hak mana-mana pihak.

## Isu Penggunaan Kalimah Allah di Stoking

Penulisan kalimah Allah pada stoking di Malaysia menunjukkan sikap tidak hormat terhadap kesucian agama Islam, sekali gus mencetuskan kemarahan awam dan memperburuk ketegangan antara komuniti beragama. Pada 13 Mac yang lalu, media sosial menjadi heboh dengan isu stoking yang tertera kalimah Allah yang dijual di KK Mart Bandar Sunway, selepas gambar produk tersebut dimuat naik oleh seorang pengguna. Konflik ini timbul apabila stoking yang dipasarkan mengandungi kalimah Allah, yang dianggap sebagai penghinaan dan pelanggaran terhadap kesucian istilah tersebut oleh umat Islam. Mereka berpendapat bahawa penggunaan kalimah Allah pada barang yang dianggap tidak sesuai, seperti stoking, adalah tidak wajar dan mencemar kesucian istilah tersebut (Berita Harian, 26 Mac 2024). Sementara itu, daripada perspektif peniaga atau pengeluar, tindakan yang dilakukan tiada sebarang niat jahat, malah penggunaan kalimah Allah pada produk tersebut dilihat sebagai satu bentuk penghormatan. Namun, keadaan menjadi lebih tegang apabila isu ini menarik perhatian ahli politik dan Yang

di-Pertuan Agong (Berita Harian, 19 Mac 2024).

Tuntasnya, Islam menggalakkan persahabatan selagi tiada unsur prasangka atau permusuhan. Dorongan ini merangkumi semua individu tanpa mengira agama atau bangsa. Umat Islam disarankan untuk bersikap mesra dan menjalin hubungan harmoni dengan sesiapa sahaja, asalkan tiada sikap prejudis atau permusuhan yang ditunjukkan. Prinsip ini menekankan kepentingan toleransi, saling menghormati, dan kerjasama dalam masyarakat yang berbilang, sambil menolak segala bentuk kekerasan dan diskriminasi (Nur Syahirah et al, 2024). Namun, isu penggunaan kalimah Allah pada stoking di Malaysia menunjukkan antara contoh yang mencetuskan risiko konflik agama akibat ketidakpekaan terhadap sensitiviti keagamaan. Penggunaan kalimah Allah pada barang komersial seperti stoking menimbulkan kekeliruan dan kemarahan dalam kalangan umat Islam, yang menganggapnya sebagai pencemaran terhadap kesucian kalimah tersebut. Ini boleh mencetuskan perasaan tidak puas hati yang mendalam, kerana bagi umat Islam, kalimah Allah adalah simbol suci yang hanya boleh digunakan dalam konteks yang dihormati dan sesuai. Di pihak lain, tindakan peniaga atau pengeluar yang mungkin tidak berniat jahat boleh dianggap sebagai salah faham budaya atau kekurangan pengetahuan mengenai sensitiviti agama.

### Lawatan ke Rumah Ibadah Bukan Islam

Lawatan oleh penganut Islam ke rumah ibadah bukan Islam kadangkala dianggap melanggar prinsip agama Islam oleh sesetengah pihak. Mereka bimbang bahawa lawatan tersebut boleh menjelaskan akidah atau mempromosikan pengaruh agama lain dalam kalangan umat Islam. Aktiviti lawatan yang tidak disertai dengan pemahaman yang mendalam tentang amalan dan kepercayaan rumah ibadah yang dikunjungi boleh mengundang implikasi dan perseri yang negative dalam kalangan Muslim yang lain. Media dan masyarakat sering memberi perhatian besar kepada isu ini, dengan laporan yang mempengaruhi pandangan umum dan memperburuk ketegangan jika ia tidak ditangani dengan baik. Berkait dengan ini, Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) telah memohon maaf, khususnya kepada umat Islam, berikutan kontroversi yang timbul dari kemelut isu tular mengenai klip video berkaitan kursus lawatan yang dianjurkan oleh jabatan tersebut ke sebuah rumah ibadat bukan Islam baru-baru ini. Lawatan tersebut, yang dikendalikan oleh *Global Unity Network (UNITY)* dengan kerjasama JAIPk diadakan secara tertutup dan melibatkan 32 peserta terpilih dari seluruh negeri Perak (Berita Harian, 3 Ogos 2024).

Berkait dengan ini, Raihani et al. (2025) menegaskan bahawa sebarang bentuk interaksi antara agama mesti dilakukan dengan berhati-hati bagi memastikan tiada kompromi terhadap prinsip akidah Islam. Dalam kes lawatan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) dan *Global Unity Network (UNITY)*, kontroversi timbul apabila klip video berkaitan menjadi tular, menyebabkan salah faham dalam kalangan masyarakat (Berita Harian, 3 Ogos 2024). Sepertimana yang dihujahkan oleh Chandra Muzaffar (2002), usaha ke arah dialog antara agama memerlukan perancangan teliti serta komunikasi yang jelas untuk menerangkan tujuan sebenarnya iaitu membina persefahaman dan keharmonian antara agama. Kontroversi ini menyerlahkan keperluan untuk memperkuatkan panduan dan pendekatan dalam pengajuran aktiviti seperti ini, termasuk penglibatan aktif pihak berautoriti dan pemimpin agama untuk memberikan penerangan kepada masyarakat. Langkah ini bukan sahaja dapat mengelakkan salah tafsir dalam kalangan masyarakat, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih harmoni dan saling menghormati.

## Membersih Rumah Ibadat Bukan Islam

Laporan akhbar pada sekitar tahun 2022 yang melaporkan sebilangan pelajar Muslim melibatkan dalam aktiviti gotong-royong membersihkan rumah ibadah bukan Islam menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. Berkait dengan ini, Mufti Wilayah Persekutuan mengeluarkan kenyataan bahawa aktiviti membersihkan rumah ibadat merupakan satu bentuk kerjasama atau bantuan yang secara langsung berkaitan dengan menyokong ritual dan amalan agama lain (Kosmo, 14 Jan 2022). Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan umat Islam mengenai sejauh mana keterlibatan mereka dalam aktiviti di rumah ibadat bukan Islam boleh diterima. Bagi sesetengah pihak, aktiviti seperti gotong-royong dilihat sebagai sebahagian daripada usaha untuk memupuk keharmonian dan kerjasama antara komuniti yang berbeza agama. Namun, bagi yang lain, ia dilihat sebagai pelanggaran terhadap prinsip-prinsip agama yang menetapkan batasan dalam interaksi dengan agama lain, terutama ia dilihat sebagai sokongan kepada amalan agama lain.

Keterlibatan umat Islam dalam aktiviti seperti gotong-royong di rumah ibadat bukan Islam menjadi isu perbincangan disebabkan perbezaan perspektif tentang batasan yang digariskan agama. Al-Qardawi (1992) menyatakan konsep kebijakan Islam terhadap bukan Islam merangkumi sikap lembut terhadap golongan lemah, membantu fakir miskin, menyediakan keperluan asas, menjaga maruah dan harta mereka, serta melindungi mereka daripada kezaliman dengan penuh akhlak dan adab. Namun, walaupun ada yang berpandangan ia adalah sebagai satu usaha memupuk kerjasama dan keharmonian antara komuniti, pandangan lain melihatnya sebagai tindakan yang boleh menjelaskan akidah, terutama apabila dianggap sebagai sokongan terhadap kepercayaan lain. Aktiviti yang berpotensi menggugat keyakinan, merosakkan iman, atau mengganggu kestabilan akidah perlu dipantau dengan teliti, walaupun bertujuan untuk kebaikan (Ahmad Munawar & Nur Azwanie, 2024). Firman Allah dalam surah al-Kafirun ayat 1-6 menjelaskan agar umat Islam tidak memcampuradukkan akidah dalam toleransi agama. Ini dinyatakan sebagaimana berikut: "*Katakanlah: "Hai orang-orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah, Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukkulah, agamaku.*". Berkait dengan ini, surah ini menjadi panduan tegas bagi umat Islam bahawa aqidah tidak boleh dipersatukan dalam sebarang bentuk toleransi dengan bukan Muslim. Tauhid dan syirik adalah dua perkara yang tidak boleh digabungkan. Apa yang nyata apabila yang hak digabungkan dengan yang batil, yang batil pasti akan memperoleh keuntungan. (Ibnu Kathir, 2005). Justeru, Islam melarang keras sebarang bentuk singkritisme dalam agama kerana keesaan Allah tidak boleh dikompromikan dengan kesyirikan (Muthmaiinah dan Ghozi, 2021). Perbezaan ini menunjukkan pentingnya garis panduan jelas untuk memastikan interaksi antara agama berlangsung dengan seimbang tanpa melanggar prinsip-prinsip syariat Islam.

## Kesimpulan

Polemik yang melatari hubungan antara agama di Malaysia mencerminkan cabaran besar dalam menguruskan kepelbagaiannya di negara yang berbilang budaya. Negara ini terdiri daripada pelbagai kaum dan agama yang memiliki latar belakang kepercayaan yang berbeza, yang kadangkala menimbulkan ketegangan dan salah faham. Pendekatan yang inklusif diperlukan bagi menangani isu-isu ini dengan lebih berkesan, di mana setiap agama dan kepercayaan dihormati dan diberikan ruang untuk berkembang dalam suasana yang aman dan harmoni. Penyelesaian yang digariskan perlu mengutamakan keharmonian sosial, dengan menekankan kepentingan pemahaman bersama antara pengikut agama, melalui pendidikan dan dialog.

terbuka. Selain itu, peranan pihak berkuasa dan pemimpin agama juga amat penting dalam memastikan batas-batas yang jelas serta pendekatan yang adil dalam menangani isu sensitif, agar kepercayaan dan amalan agama masing-masing tidak dipermainkan. Semoga dengan usaha ini, dapat memperkuatkan perpaduan nasional dan memastikan setiap individu dapat hidup berdampingan dengan penuh rasa hormat, tanpa menjelaskan identiti agama atau budaya masing-masing.

## Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail & Nur Azwanie Che Alias. (2024). Perspektif Islam Tentang Experiential Learning Ke Pusat-Pusat Ibadah Bukan Islam Oleh Penuntut-Penuntut Institusi Pengajian Tinggi Beragama Islam di Malaysia. *Malaysian Online Journal of Education* 8 (1), 1-11.
- Arfah Ab Majid. (2020). Design Consideration for Inter-Religious Dialogue in Malaysia: The Incorporation of Contact Theory. *Sains Insani*, 5(2), 91–97.
- Azarudin Awang. (2022). *Dialog Kehidupan Spektrum Komuniti Cina Muslim*. Penerbit UiTM: Shah Alam.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Hambali. (2017). Apresiasi Dialog Kehidupan Berhikmah Komuniti Cina Muslim di Terengganu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 24(241), 1-22.
- Chandra Muzaffar. (2002). Morality in Public Life: The Challenge Before Religion. *American Journal of Islam and Society*, 19(3), 90-110.
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1247859/penukaran-agama-sepihak-kanak-kanak-aturan-terlalu-ketat-jejaskan> di akses pada 22 Julai 2024
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1279997/hukum-lawat-rumah-ibadat-bukan-islam-diharuskan-selagi-bertujuan> di akses pada 25 Julai 2024
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/683934/kerajaan-perlu-rayu-kebenaran-penganut-kristian-guna-kalimah-allah> di akses pada 28 Julai 2024
- <https://www.kosmo.com.my/2022/01/14/umat-islam-tidak-boleh-terlibat-bersihkan-rumah-ibadat-agama-lain/> di akses pada 22 Ogos 2024
- [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225473/agong-murka-isu-kalimah-allah-timbul-lagi#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225473/agong-murka-isu-kalimah-allah-timbul-lagi#google_vignette) di akses pada 22 September 2024
- Ibn Kathir. (2005). *Terj. Lubab Tafsir Min Ibn Katsir*. M. Yusuf Harun M.A, Abdullah bin Muhammad, M. Abdul Ghoffar E.M. 7. Ed. ke-4. 8. Bogor, Indonesia: Pustaka Imam as-Syafi'i.
- Indraty Ismal & Muhammad Kharul Anuar Mat Saipi. (2020). Genealogi agama: Sumbangan HOK Rahmat SH (1928–1993) dalam buku '*Dari Adam Hingga Muhammad*' (1976). *Islamiyat*, 42(2), 35–48.
- Mohd Khambali @ Hambali, K. (2008). Islam Agama Rahmah dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran. Dalam M. K. Khadijah, A. M. Mohammad Kamil & S. M. H. Syed Abdul Rahman (Pnyt.). *Isu dan Cabaran Hubungan Antara Agama di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Khadijah Muda & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2020). Definisi, Konsep dan Teori Toleransi Beragama. *Sains Insani*, 5(1), 194–199.
- Khairul Azhar Meerangani, Abdul Qayuum Abdul Razak & Muaz Mohd Noor. (2021). Peranan prinsip Rukun Negara dalam pembentukan bangsa Malaysia. *Islam dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Mastura Abd Wahab, Khadijah Muda, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2022). Islam Sebagai Agama Persekutuan dalam Unsur Tradisi Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. *Journal of Islamic*, 7(44), 101–111.

- Mohd Norhusairi Mat Hussin, Mohd Zaidi Daud, Ruzman Md Noor, & Amalina Che Omar. (2023). Kajian Isu-Isu Berkaitan Pemeliharaan Akidah dan Pemikiran Umat Islam di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(2), 366–380.
- Mohd Zamrus Mohd Ali & Abdul Rashid Abdul Aziz. (2022). Meneladani Integrasi Komuniti Bukan Muslim: Kewujudan Musta'rib dalam Pemerintahan Islam Andalusia (92–898 Hijrah). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 308–317.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, & Mohammad Zain Yahaya. (2020). Seruan Melestarikan Hubungan Sosio-Agama Melalui Pendekatan. *Akademika*, 90(2), 149–164.
- Muhammad Raqib Mohd Sofiana & Nurul Amalia Mohd Azmi. (2023). Kontroversi Penukaran Agama Unilateral: Pembingkaian Berita *The Star* dan Malaysiakini. *Journal of Contemporary Issues in Media & Communication (JCIMC)*, 48–79.
- Muhammad Termizi Hasni, Muhamad Shafiq Mohd Ali, & Zuliskandar Ramli. (2017). Merosotnya Pengaruh Hindu-Buddha di Kedah Tua: Satu Analisis Politik dan Budaya. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(2), 113–128.
- Muthmainnah & Ghozi Mubarok. (2021). Konsep toleransi beragama dalam Al-Quran Perspektif Buya Hamka dan Thoifur Ali Wafa. *Bayan Iln-Naas: Jurnal Dakwah Islam*, 5(1), 1–20.
- Nur Hadi, Wasehudin, Naila Najla Surbakti, Ai Elia Martatiningsih Arum, & Diah Nuraffiatul Jannah. (2022). Nilai-Nilai Multikultural dalam Mata Pelajaran Akidah Akhlak dan Implikasinya Bagi Sikap Toleransi Siswa di MA Hidayatul Mubtadiin Sidoharjo Jati Agung. *Unisan Jurnal*, 1(4), 91–101.
- Nur Syahirah Che Mahamud, Nur Hanis Mahirah Nordin, Maratul Adawiyah Abdul, & Siti Mardhiyah Kamal Azhar. (2024). Peranan Media Sosial dalam Memupuk Toleransi dan Keharmonian Antara Masyarakat. *E-Prosideing Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*, 373–379.
- Nur Wahida Binti Lokman, Amir Husin Mohd Nor, Setiyawan Gunardi. (2022). Penggunaan Kalimah Allah oleh Penganut Kristian di Malaysia Menurut Maslahah. *Journal of Fatawa Management & Research*. 27 (3), 39–49.
- Nursharina Shereen Hasmuri & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2022). Penentuan Hak Hadanah Anak Terhadap Pasangan Berlainan Agama: Kajian Terhadap Kes-Kes Dalam Jurnal Hukum. *Journal of Shariah Law Research*, 7(1), 129–146.
- Raihani Aththahirah, Lona Mardiati, Muhammad Haikal, Maulana Ikhsan. (2025). Penafsiran tentang Interaksi Sosial dengan Non-Muslim. *Reflection: Islamic Education Journal*, 2(1), 98–113.
- Salihah Ali, Mohd Isa Hamzah, Maimun Aqsha Lubis, Eka Yusnaldi, Ikwan Lubis, & Siti Hajar Taib. (2021). Prinsip toleransi Islam dalam menangani konflik kepelbagaian kaum di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(2), 142–168.
- Siti Aisyah Mohd Rozali & Muhamad Razak Idris. (2021). Pendekatan Dialog Antara Agama Menerusi Program Mosque Tour Guide (MTG) di Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan Malaysia. *Malaysian Journal of Islamic Movements and Muslim Societies*, 1(1), 73–82.
- Yūsuf al-Qardāwī (1992). *Ghayr al-Muslimīn fi al-Mujtama' al-Islāmi*. Qahirah: Maktabah Wahbah.